

# Jangan campuri urusan

UM 2 JUL 2011

**K**UALA LUMPUR 1 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menepelak mahasiswa yang menolak penglibatan orang luar dalam urusan pentadbiran dan perjalanan universiti tetapi pada masa yang sama mahu mencampuri urusan pemerintahan negara.

“Kalau kita cakap jangan campur tangan dalam tempat kita, kita jangan campur tangan dalam tempat orang lain pula.

“Dalam pemerintahan, saya yang bertanggungjawab, janganlah kacau saya,” kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan seorang mahasiswa pada sesi dialog sempena penutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di bangunan Perdanasiswa Universiti Malaya (UM) hari ini.

Mengulas gesaan mahasiswa terbabit

yang tidak mahu campur tangan politik dalam bidang pendidikan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan dan parti UMNO seboleh-bolehnya tidak mahu melibatkan mahasiswa dalam kancah politik.

“Kita tidak mahu ganggu penuntut. Kita tak masuk dalam kampus, tetapi orang lain masuk dulu. Lepas itu kita masuklah,” katanya.

## pemerintah

Dr. Mahathir mengingatkan dalam masyarakat demokrasi, perbezaan pendapat adalah perkara biasa yang sepatutnya diterima oleh setiap rakyat.

“Kita harus terima bahawa ada pendapat yang berbeza, yang harus diambil berat ialah yang mana benar dan betul, itu sahaja,” katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri

berkata, tidak ada masalah sekiranya mahasiswa mempunyai pendapat yang berbeza daripada kerajaan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan golongan itu perlu menerima hakikat bahawa tidak semua pendapat mereka adalah betul.

“Perlu ada pengadilan dan toleransi. Kita perlu mengakui kadang-kadang kita mungkin tersilap,” katanya.